

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SENATOR DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pengangkutan awam lebih mesra alam dan mampan dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara di negara ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sangat komited dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan pencemaran udara agar aspirasi negara karbon sifar bersih menjelang 2050 dapat dicapai. Kerajaan dengan kerjasama pihak berkepentingan dan pemain industri giat berusaha memastikan pengangkutan awam lebih mesra alam dan mampan. Menerusi Dasar Pengangkutan Negara 2030 yang menekankan teras maju ke arah ekosistem pengangkutan hijau, Kerajaan komited melaksanakan pelan tindakan yang mensasarkan penyediaan 10,000 petak pengecasan kenderaan elektrik (EV) pada tahun 2025. Sehingga bulan November 2024 sebanyak 3,354 unit stesen pengecas telah dibina bagi menampung keperluan jumlah kenderaan elektrik yang berdaftar.
2. Dalam usaha mengelektrifikasi pengangkutan awam pula, Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi PRASARANA mensasarkan perolehan secara berfasa sebanyak 1,450 buah bas elektrik. Selain itu, pembangunan dan operasi rel bandar yang merangkumi LRT, MRT, Monorel dan KTM Komuter juga dilaksanakan secara elektrik sepenuhnya.
3. Pada masa yang sama, MOT melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sedang memperluas usaha pemasangan *solar photovoltaic* (PV) di 15 fasiliti pengangkutan seperti di depoh Batu Gajah, Seremban dan Kempas. MRT Corp pula kini sedang melaksanakan projek rintis PV di depoh MRT Sg. Buloh, depoh MRT Kajang, depoh MRT Serdang dan stesen MRT Pasar Seni, Kuala Lumpur.
4. Melalui pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR) juga, Kerajaan dalam usaha meneroka peluang teknologi hidrogen untuk dimanfaatkan dalam penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.